

Nafsu anak

Metro 22/5/12 MS 7

Gadis ketakutan sorok teman lelaki dalam almari

>>Oleh Siti Nor Hidayatidayu Razali

idayu@hmetro.com.my

KAJANG: Hancur luluh hati sepasang suami isteri selepas mengetahui anak gadisnya berusia 17 tahun membawa masuk teman lelaki ke dalam bilik dan melakukan hubungan seks dalam kejadian di Taman Alam Sari, Bangi, di sini.

Difahamkan, remaja terlibat beberapa kali membawa masuk teman lelaki mereka terutama ketika ibu bapanya tiada di rumah.

Namun, perkara itu terbongkar pada jam 10 malam Jumaat lalu selepas ibu mangsa melihat motosikal di luar rumah mereka sebelum menyiasat dan mendapati ia milik teman lelaki anak gadisnya.

Fakta

Remaja yang belajar di tingkatan lima itu mengaku kepada ibu bapanya beberapa kali membawa masuk teman lelaki ke dalam rumah dan melakukan hubungan seks

Sumber berkata, perkara itu dimaklumkan kepada suaminya yang berada di luar kawasan menjalankan urusan perniagaan.

Katanya, keesokannya sebaik pulang ke rumah, bapa gadis itu mengetuk pintu bilik anaknya, namun tidak dihiraukan sebelum mereka menggertak memecahkan pintu.

“Gertakan itu membuatkan remaja itu bimbang dan membuka pintu. Bapa gadis itu memeriksa bilik anaknya dan terkejut apabila melihat teman lelaki anaknya menyorok di dalam almari dalam ketakutan,” katanya.

Menurutnya, selepas disoal, remaja yang belajar di tingkatan lima itu mengaku beberapa kali membawa masuk teman lelakinya ke dalam rumah dan melakukan hubungan seks.

Katanya, tidak puas hati dengan perkara itu, kelmarin bapa remaja berkenaan membawa anaknya bersama teman lelaki ke Balai Polis Kajang membuat laporan.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Kajang, Asisten Komisioner Ab Rashid Ab Wahab mengesahkan menerima laporan berhubung kejadian itu.